

'Ismail Sabri pilih Nazri jadi duta, bukan UMNO'

Kuala Lumpur: Pelantikan Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz sebagai Duta Besar Malaysia ke Amerika Syarikat (AS) dicadangkan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob ketika Naib Presiden UMNO itu menjadi Perdana Menteri Kesembilan.

Timbalan Perdana Menteri merangkap Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, memaklumkan nama Nazri dicadangkan oleh pentadbiran 'Perdana Menteri Kesembilan' dan parti diterajuinya langsung tiada kaitan.

"Dari zaman Perdana Menteri Kesembilan, (cadangan lantik Nazri) daripada kerajaan, bukan diusulkan UMNO," katanya selepas

menghadiri rumusan bengkel dan hala tuju strategik Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KK-DW), di sini semalam.

Beliau yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata demikian ketika ditanya sama ada pelantikan Nazri diusulkan UMNO atau dibuat kerajaan pimpinan Ismail Sabri yang ketika itu menggalas jawatan Perdana Menteri.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memaklumkan pelantikan Nazri sebagai Duta Besar Malaysia ke AS dibuat kerajaan lalu dan sudah disahkan oleh AS, sekali gus pentadbirannya terpaksa meneruskan pelan-

tikan berkenaan kerana pembatalan akan menimbulkan pelbagai masalah lain.

Nazri menerima watakah pelantikan daripada Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah di Istana Negara, Khamis lalu.

Namun, pelantikannya mengundang kritikan, termasuk daripada Ahli Parlimen Pasir Gudang, Hassan Abdul Karim yang menegaskan jawatan duta perlu dikhaskan kepada diplomat yang mahir dalam hal ehwal antarabangsa.

Bagaimanapun, Ahmad Zahid

berpandangan Nazri adalah personaliti sesuai menjadi Duta Besar Malaysia ke AS kerana diyakini mampu merapatkan hubungan di antara kerajaan Malaysia dan negara kuasa besar dunia itu.

Katanya, Nazri diberi tanggungjawab memperkukuh hubungan perniagaan-kepada-perniagaan (B2B), pembiayaan antara rakan setara (P2P) dan hubungan antara kerajaan (G2G) dua negara.

Selain itu, katanya, bekas Ahli Parlimen Padang Rengas itu turut ditugaskan mengatur pertemuan penting Anwar dengan pemimpin AS dan peneraju korporat utama di negara itu apabila Perdana Men-

teri melawat ke sana nanti.

"Beliau personaliti sesuai untuk menjadi diplomat utama Malaysia di AS. Kita pernah mempunyai beberapa duta besar sebelum ini seperti Allahyarham Tan Sri Dr Jamaluddin Jarjis, Datuk Seri Dr Awang Adek Hussin yang dapat menjalin hubungan lebih rapat kerajaan AS dan Malaysia.

"Saya percaya Anwar akan melawat AS dan saya percaya Nazri mampu mengurus dan mengatur mesyuarat penting antara Anwar dan pemimpin utama AS, ketua korporat serta Dewan Perniagaan Amerika-Malaysia (AMCHAM)," katanya.